

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, January 23, 2020 6:07 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Universiti Harus Bentuk Minda Pelajar Tidak Jadi 'Manja'



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

23 JANUARI 2020 / 27 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UNIVERSITI HARUS BENTUK MINDA PELAJAR TIDAK JADI 'MANJA'



UUM ONLINE: Tenaga pengajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) dinasihatkan untuk membentuk minda pelajar agar tidak menjadi 'mahasiswa manja'.

Ahli Parlimen Pokok Sena, Dato' Mahfuz Omar berkata, sebagai pensyarah dan juga tenaga pengajar perlu membantu membina kekuatan jiwa dan minda pelajar universiti ini untuk menjadi lebih aktif demi masa hadapan mereka.

Menurutnya yang juga Timbalan Menteri Sumber Manusia, universiti perlu melahirkan pelajar yang dapat mencipta pekerjaan, bukan menjadi pencari kerja sahaja.

"Saya gembira apabila UUM memainkan peranan dengan memberikan kepakaran dan sumbangan untuk pembangunan masyarakat termasuk di Parlimen Pokok Sena.

"Saya berharap universiti ini dapat membawa pendekatan membimbing dengan menggunakan kepakaran sedia ada untuk membawa perubahan kepada daerah ini, khususnya," katanya pada Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LOI) Antara UUM dengan Pusat Khidmat Pokok Sena di Balai Tamu, tengah hari tadi.

Dato' Mahfuz berkata, beliau berterima kasih dan gembira apabila UUM menerusi Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) sudi untuk membantu daerah Pokok Sena dengan menawarkan khidmat kepakaran terutamanya dalam bidang latihan, perundingan dan penyelidikan.

Menurutnya, beliau berharap kerjasama strategik itu akan mendapat komitmen sepenuhnya dan tidak terhenti pada kadar tertentu agar perancangan tersebut mendapat kemajuan yang akan dinikmati masyarakat.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, beliau mahu kepakaran yang dimiliki UUM dapat disalurkan kepada masyarakat setempat dengan setiap pusat pengajian menfokuskan kepada program bersama komuniti di daerah ditetapkan menerusi program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D).

"Penekanan ini dilakukan agar semua pusat pengajian dapat membantu universiti membangunkan negeri Kedah terutamanya dalam bidang pendidikan, malah membantu dalam mengurangkan kadar golongan B40 dengan memindahkan segala kepakaran yang dimiliki supaya negeri ini lebih maju dan berdaya saing.

"Inilah masanya untuk merealisasikan konsep 'ILMU BUDI BAKTI' dengan memberikan sumbangan bakti, mencurahkan ilmu dan budi bagi membangunkan negeri Kedah dan menerusi kolaboratif ini, saya percaya semua pihak dapat memainkan peranan yang bermakna serta mendatangkan hasil yang memberi manfaat kepada semua dalam mencapai Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030," katanya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.